

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran, Enche Hussein Onn Meresmikan Pasar Ria Kolej Islam, Kelang pada 17.7.1971 pukul 10.00 pagi.

Memang semenjak daripada mula2 saya menerima tanggung-jawab Menteri Pelajaran, saya berchita2 membuat kunjongan ka-Kolej Islam ini untok menyaksikan sendiri dengan lebeh dekat keadaan di-Kolej ini, kemajuan pelajaran-nya dan kegiatan2 pelajar2-nya tetapi oleh sebab tugas2 yang lain dan belum tiba peluang yang sesuai chita2 itu saya tanggohkan hinggalah ka-hari ini. Pada hari ini saya tidak dapat mengambarkan kapada tuan2 dan pelajar2 bagaimana perasaan riang dan gembira hati saya melainkan dengan melapadzkan shukor kahadrat Allah dan ucapan satinggi2 terima kaseh kapada Lembaga Pentadbir Kolej ini, Pengetua-nya, guru2-nya, kakitangan-nya pelajar2-nya dan tuan2 sekalian kerana menjemput saya hadzir di-Kolej ini.

Saya tidak dapat memberi ukoran sa jauh mana pandangan orang2 terhadap Kolej ini tetapi memadai-lah sekira-nya saya berkata tiap2 orang Islam yang dewasa di-Malaysia ini tersemat dalam fikiran-nya nama Kolej ini, di-mana letak-nya dan apakah fungsi-nya. Malah beribu2 pelajar berhasrat meneruskan pelajaran mereka ka-Kolej ini. Oleh itu tanggung-jawab tuan2 memelihara keharuman nama Kolej ini, taraf-nya dan kemajuan-nya sangat-lah berat. Sekali pun tanggung-jawab yang di-pikul oleh tuan2 itu berat namun sekira-nya tuan2 berjaya menunaikan tanggung-jawab itu maka bermakna-lah tuan2 telah memberi satu sumbangan yang besar erti-nya ka-arrah kemajuan agama, bangsa dan negara.

Saya suka menyentoh sedikit sejarah Kolej ini untok menarek perhatian tuan2 terhadap peranan yang harus di-mainkan oleh Kolej ini pada masa sekarang dan pada masa2 yang ke hadapan.

Kolej ini pada mula-nya di-asaskan untok menampung pelajar2 kelulusan daripada sekolah2 agama bagi melanjut pelajaran tinggi agama mereka. Pengajian di-Kolej Islam ini bermula pada tahun 1955 dengan bilangan pelajar2 55 orang sahaja dan 3 orang guru, dua orang daripada-nya di-pinjam dari Universiti Al'Azhar, Masir.

Pelajar2 Kolej ini di-pilih daripada sekolah2 agama atau sekolah2 Arab dari merata2 tempat di-Malaysia ini. Mereka belajar selama tiga tahun di-Kolej ini pada peringkat persediaan dan salepas itu menyambong pula ka-Kolej Islam, Petaling Jaya selama tiga tahun lagi di-peringkat Sijil Tertinggi dan satu tahun di-peringkat Diploma Pendidekan. Boleh di-katakan bahawa pengajian di-Kolej ini pada masa2 itu tertumpu kapada pelajaran agama sahaja dan pelajaran yang lain di-pelajari sechara sambilan atau tambahan. Oleh itu mereka yang lulus kolej tersebut layak di-terima berkhidmat dengan Kerajaan sebagai guru2 agama dan pegawai2 agama. Sebahagian terbesar daripada mereka sedang berkhidmat dengan Kementerian Pelajaran sabagai guru2 agama

Sekolah Menengah. Mungkin keadaan ini sesuai pada masa itu memandangkan kepada keperluan masyarakat yang sangat2 berhajat kepada tenaga guru agama yang berkebolehan sedangkan guru2 agama seperti ini sangatlah berkurangan pada masa itu.

Tetapi keadaan ini sudah berubah sekarang kerana lapangan pekerjaan dalam bidang agama bertambah kurang manakala peluang pekerjaan di-lapangan kehidupan yang lain bertambah banyak mengikut kadar pesat-nya pelaksanaan rancangan pembangunan negara. Sekiranya pelajar2 yang keluar daripada sekolah2 agama yang mempunyai semata2 kelulusan pelajaran agama sahaja, saya bimbang bahawa peluang bagi mereka untuk mendapat pekerjaan sangat terbatas. Hal ini boleh menjadi sosial problem kepada negara oleh itu Kementerian saya berchita2 menjadikan Kolej Islam ini tempat pelajaran yang khas di-mana pelajar2 yang datang dari sekolah2 agama yang tidak berpeluang belajar di-sekolah2 menengah kebangsaan dan jenis kebangsaan dapat menyambung pelajaran-nya di-sini di-dalam berbagai2 aliran sastera, agama, dan sains dengan tidak mengeneipikan pelajaran agama yang menjadi landasan Kolej Islam ini, supaya dengan demikian pelajar2 yang keluar daripada Kolej ini berkebolehan menyambung pelajaran tinggi-nya dalam berbagai2 jurusan dan layak di-terima masuk dalam berbagai2 jurusan dan layak di-terima masuk dalam berbagai2 lapangan pekerjaan. Saya perchaya chara yang demikian lebeh menguntongkan masyarakat orang2 Islam sendiri dan dapat memenuhi keperluan bangsa dan negara. Saya tidak perchaya tindakan ini menyalahi ajaran agama Islam yang menggalakkan pengikut2-nya berlumba2 menchari ilmu pengetahuan dalam serba bidang.

Nabi Muhamad S.A.W. sendiri menganjorkan kepada orang2 Islam supaya menuntut ilmu pengetahuan sahinggakan ka-Negeri China. Oleh kerana itu tiap2 pelajar Islam hendaklah melengkapkan diri-nya dengan berbagai macham ilmu pengetahuan yang berguna dan yang diperlukan pada hari ini oleh masyarakat, bangsa dan negara sama ada ilmu pengetahuan itu berchorak keugamaan atau tidak berchorak demikian seperti Ilmu Hisab, Ilmu Alam, Sains dan lain2, oleh kerana ilmu2 ini mempunyai ikatan yang sangat erat dengan Uagama Islam. Sekiranya kedua2 jenis ilmu pengetahuan itu dapat kita kuasai, saya perchaya kita orang2 Islam tidak akan ketinggalan daripada orang2 lain dalam menchapai kemajuan sapertimana yang pernah kita chapai pada zaman keagongan orang2 Islam di-zaman pemerintah Khalifah Abasiah.

Oleh itu Kementerian saya akan menghantar seberapa chepat guru2 Sains yang berijazah ka-Kolej ini untuk membolehkan Kolej ini membuka aliran Sains kepada penuntut2. Saya perchaya pelajaran agama yang berteraskan pelajaran Sains akan menambahkan luas dan kukoh keperchayaan manusia kepada Allah dan membolehkan mereka berkhidmat kepada jalan Allah dengan chara yang lebeh luas dan berkesan.

Pada hari yang berbahagie ini sukalah saya mengumumkan ia-itu ujian lisan Bahasa Inggeris bagi chalun2 sijil penoh Sijil Rendah Pelajaran akan di-adakan pada tahun 1972. Pada masa yang sama ujian lisan Bahasa Malaysia untuk chalun2 Sijil penoh LCE akan juga di-adakan.

Tujuan ujian2 lisan ini di-adakan ialah untuk memberi tapak yang kuat untuk menchapai kemahiran pertuturan dalam kedua2 bahasa yang mana selaras dengan hakikat dasar pelajaran kebangsaan kita. Untuk Bahasa Malaysia langkah ini adalah selaras dengan ada-nya kertas Bahasa Malaysia yang sama bagi semua chalun Melayu dan Bukan Melayu dan di-harap agar mereka bukan sahaja boleh menulis dalam bahasa ini bahkan juga boleh bertutur dengan faseh. Maka ujian lisan dalam Bahasa Malaysia ini adalah sesuai di-samping tujuan asas untuk mengutamakan Bahasa Malaysia sabagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Muhibbah bagi merapatkan perpaduan ra'ayat di-Malaysia ini.

Ujian lisan dalam Bahasa Inggeris ini akan memperkuatkan lagi pengetahuan penulisan dan pertuturan bagi calon2 Sekolah Menengah Kebangsaan di-dalam Bahasa Inggeris yang mana akan sesuai dengan peranan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan sesuai dengan tujuan dasar pelajaran untuk menjadikan calon2 di-Sekolah2 Menengah Kebangsaan Bilingual. Dengan kechapaian pertuturan yang baik dalam Bahasa Inggeris, istimewa dengan ramai-nya calon2 dalam Sekolah Menengah Kebangsaan yang kini mendapat peluang kursus di-luar negeri maka kedudukan Bahasa Inggeris mereka akan bertambah baik dan akan dapat menjamin kechapaian yang lebih sempurna di-luar negeri nanti. Calon2 yang berkebolehan dalam Bahasa Inggeris akan juga memudahkan mereka khusus-nya mereka yang dari Sekolah2 Menengah Kebangsaan, apabila mengambil bahagian di-dalam lapangan perdagangan yang sangat2 kita perlukan untuk masyarakat luar bandar dan juga dalam bandar. Sukalah saya menerangkan di-sini walaupun ujian lisan dalam kedua2 bahasa ini bererti bertambah-nya tugas dan perbelanjaan untuk peperiksaan LCE/SRP, namun demikian pembayaran peperiksaan yang harus di-buat oleh calon2 yang mengambil peperiksaan ini saya jamin tidak akan bertambah.

Saya sangat tertarek hati dengan usaha pelajar2 Kolej ini mengadakan pasar ria di-mana pendapatan yang di-kumpul dari pasar itu di-masokkan kadalam tabong derma untuk membantu pelajar2 yang miskin meneruskan pelajaran. Usaha yang saperti ini patutlah digalakan dan di-chontohi oleh lain2 pelajar supaya kemiskinan tidak lagi menjadi halangan bagi sa-saorang untuk belajar. Orang2 Islam terutama-nya orang2 Melayu selalu menjadikan kemiskinan itu sebagai alasan dan halangan mereka mendapat pelajaran tinggi sedangkan orang2 lain tidak menjadikan kemiskinan itu halangan. Sebenarnya yang menjadi halangan itu ialah "Sifat tidak ada kemahuan". Orang2 yang kuat kemahuan walau pun ia-nya miskin, tetapi akhir-nya ia berjaya melanjutkan pelajaran tinggi dengan berbagai2 usaha. Orang yang tidak ada kemahuan walau pun asal-nya daripada orang yang kaya tetap tinggal dalam kejahilan kerana tidak ada kemahuan untuk belajar. Jadi faktor yang sabenar-nya ia-lah kuat kemahuan. Dengan ada-nya kemahuan maka barulah datang berbagai2 usaha dan ikhtiar. Kita tidak boleh selama2-nya dan segala2-nya bergantung kepada pertolongan orang lain terutama-nya Kerajaan. Bahkan kita wajiblah berusaha sendiri dan berdiri di-atas kaki sendiri. Usaha pelajar2 pada hari ini mencheramkan semangat berusaha sendiri dan semangat berdikari yang sangat2 di-kehendaki oleh ugama Islam saperti firman Tuhan dalam ayat 39 Surah"Najmu" yang bererti "Manusia itu tidak mendapat sesuatu apa pun melainkan mengikut apa yang di-usahakan-nya".

Saya berharap semangat yang saperti ini bukan semata2 untuk di-tunjokkan tetapi hendaklah benar2 di-jadikan tabiat yang sehati dengan diri kita dan di-teruskan. Oleh itu dengan semangat ini saya dengan sukachita-nya mengistiharkan dengan resmi-nya pembukaan "Pasar Ria" ini dan berharap semoga pasar ini mendapat sambutan daripada orang ramai sahingga berjaya menchapai matlamat-nya.





No Siri	44
No. Penerimaan	44/80